

20 MAY 1997

Ghani - Usahawan

REBUT PELUANG PERNIAGAAN YANG BANYAK TERBUKA, KATA GHANI

JOHOR BAHRU, 20 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman mahu usahawan Bumiputera di negeri ini merebut pelbagai peluang perniagaan yang wujud hasil kepesatan ekonomi yang cukup memberangsangkan di rantau Asia.

Katanya hubungan diplomatik dengan negara luar yang dipelopori oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah banyak membuka peluang perniagaan baru.

Melalui hubungan dagang, usahawan bukan saja mampu meningkatkan pasaran ke luar negara tetapi juga dapat mempelajari teknologi dan kepakaran yang ada di negara-negara berkenaan, katanya pada dalam ucapan perasmian mesyuarat agung tahunan ke-16 Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Cawangan Johor di sini hari ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Industri Kecil Sederhana dan Kerajaan Tempatan Negeri, Adam Abdul Hamid.

Abdul Ghani berkata perkembangan pesat teknologi maklumat juga merupakan cabang ilmu yang perlu dikuasai oleh usahawan dalam memajukan diri mereka.

Menurutnya negara masih kekurangan usahawan Melayu yang berjaya ke peringkat antarabangsa dan oleh itu usahawan Bumiputera, khususnya perlu menyahut cabaran dengan membuktikan mereka mampu mencipta sejarah di peringkat antarabangsa.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan untuk menyediakan pelbagai kemudahan bagi melicinkan lagi urusan perdagangan antara usahawan tempatan dan negara luar.

Mengenai DPMM Cawangan Johor, Abdul Ghani berharap ia dapat mengusaha dan menyediakan pelbagai peluang perniagaan yang boleh dikongsi bersama oleh semua ahlinya termasuk membimbing usahawan muda yang berjaya. --
BERNAMA

MKO MAI